

## HUBUNGAN MOTIVASI DAN KESEDIAAN E-PEMBELAJARAN TERHADAP PENGGUNAAN DELIMA 2.0 DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH

*(THE RELATIONSHIP BETWEEN MOTIVATION AND E-  
LEARNING READINESS TOWARDS THE USE OF DELIMA  
2.0 AMONG PRIMARY SCHOOL STUDENT)*

**Abdul Said Ambotang\***

**Fandi Ibrahim**

**Hairuddin Yakup**

Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan,  
Universiti Malaysia Sabah

*\*Corresponding Author's Email: [said@ums.edu.my](mailto:said@ums.edu.my)*

---

### **Article History:**

*Received* : 27 Ogos 2024

*Revised* : 18 Oktober 2024

*Published* : 31 Disember 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

### **To cite this article:**

Ambotang, A. S, Ibrahim, F & Yakup, H. (2024). HUBUNGAN MOTIVASI DAN KESEDIAAN E-PEMBELAJARAN TERHADAP PENGGUNAAN DELIMA 2.0 DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH. *Jurnal Kesidang* , 9(1), 107-118.

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan motivasi dan kesediaan e-pembelajaran terhadap penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah di daerah Tawau, Sabah. DELIMa, adalah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyokong pembelajaran maya, tetapi masih kurang digunakan secara meluas. Hasil kajian menunjukkan tahap penggunaan DELIMa 2.0 adalah tinggi (min=3.79), tanpa perbezaan signifikan berdasarkan jantina atau tempoh penggunaan. Analisis korelasi Pearson mendedahkan hubungan positif yang kuat antara motivasi murid dengan penggunaan DELIMa 2.0 ( $r=0.781$ ,  $p<0.001$ ), manakala hubungan antara kesediaan e-pembelajaran dengan penggunaan DELIMa 2.0 adalah lemah tetapi signifikan ( $r=0.495$ ,  $p<0.001$ ). Dapatan ini menekankan kepentingan motivasi murid dan penyediaan kemudahan e-pembelajaran dalam meningkatkan penggunaan DELIMa 2.0. Kajian ini memberi implikasi kepada keperluan meningkatkan motivasi dan kesediaan e-pembelajaran murid

untuk memaksimumkan penggunaan platform tersebut, serta memberi input kepada pihak berkepentingan untuk menggalakkan penglibatan murid dalam pembelajaran digital melalui pengukuhan motivasi dan persekitaran e-pembelajaran yang kondusif.

**Kata kunci:** Motivasi, Kesiediaan e-pembelajaran, penggunaan DELIMa 2.0

### **ABSTRACT**

*This study aims to identify the relationship between motivation and e-learning readiness towards the use of DELIMa 2.0 among Year Six primary school students. DELIMa, an initiative by the Ministry of Education Malaysia to support virtual learning, is still not widely used. The results show that the level of DELIMa 2.0 usage is high (mean=3.79), with no significant differences based on gender or duration of use. Pearson correlation analysis revealed a strong positive relationship between student motivation and DELIMa 2.0 usage ( $r=0.781$ ,  $p<0.001$ ), while the relationship between e-learning readiness and DELIMa 2.0 usage is weak but significant ( $r=0.495$ ,  $p<0.001$ ). These findings emphasize the importance of student motivation and the provision of e-learning facilities in increasing the use of DELIMa 2.0. This study has implications for the need to enhance students' motivation and e-learning readiness to maximize the use of the platform, as well as provide input to stakeholders to encourage student engagement in digital learning through strengthening motivation and creating a conducive e-learning environment.*

**Keywords:** Motivation, E-learning readiness, DELIMa 2.0 usage

## **1.0 PENGENALAN**

Perkembangan pesat teknologi pada abad ke-21 telah mencetuskan transformasi ketara dalam sistem pendidikan, khususnya dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Chamidah et al. (2020) menekankan kepentingan teknologi sebagai alat sokongan yang dipercayai dalam pengajaran semasa. Sebagai tindak balas terhadap cabaran ini dan pandemik COVID-19, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pelantar DELIMa sebagai alternatif pembelajaran digital, selaras dengan lonjakan ketujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Evolusi DELIMa dari versi 1.0 ke 2.0 menunjukkan komitmen KPM dalam mengintegrasikan teknologi digital dan pembelajaran personalisasi. Kajian oleh Ismail et al. (2021) dan Mohamad et al. (2022) menunjukkan bahawa DELIMa telah berjaya mengintegrasikan teknologi digital dalam PdPc dan meningkatkan penglibatan serta motivasi murid.

Pelancaran Dasar Pendidikan Digital (DPD) pada November 2023 menggariskan enam teras utama untuk melahirkan generasi celik digital dan berdaya saing (Berita Harian, 2023). Nordin et al. (2021) mendapati bahawa pendekatan personalisasi dalam DELIMa 2.0 telah meningkatkan keberkesanan proses PdPc. Laporan KPM (2021) menegaskan bahawa inisiatif ini bertujuan untuk melahirkan murid celik digital dan berkemahiran tinggi menjelang 2025, selaras dengan keperluan era Revolusi Industri 4.0. Kesimpulannya, transformasi digital dalam pendidikan Malaysia mencerminkan komitmen berterusan KPM untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan dan menyediakan murid dengan kemahiran abad ke-21 yang diperlukan.

## **2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pelantar DELIMa merupakan inisiatif pendidikan revolusioner yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan sokongan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU). Menurut Cheong et al. (2021), pelantar ini dibangunkan sebagai langkah progresif untuk memajukan sistem pendidikan negara dengan mengintegrasikan pelbagai teknologi terkini dalam satu pelantar pembelajaran holistik. DELIMa menggunakan *Google Workspace for Education* sebagai asas utama, dengan penekanan pada aplikasi *Google Classroom* (GC) untuk penyampaian pendidikan dalam talian. Kajian oleh Mohamad et al. (2021) mendapati bahawa DELIMa bukan sahaja menyediakan kandungan digital yang relevan untuk proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga memberi ruang kepada rakan kongsi seperti Petrosains, Shell, dan UNICEF untuk menyumbang dalam pembangunan pendidikan negara. Ini menjadikan DELIMa sebuah pelantar yang holistik dan menyeluruh, membolehkan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan menyokong perkembangan murid dalam pelbagai bidang.

Selain menyediakan akses kepada pelbagai aplikasi dan sumber pembelajaran digital, DELIMa 2.0 turut berperanan sebagai medium perkongsian dan kolaborasi dalam kalangan pendidik. Menurut kenyataan akhbar oleh mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Habibah, 2020), DELIMa 2.0 menyediakan ruang khusus iaitu Ruang Ilmu untuk para guru berkongsi idea dan amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran. Mohammed (2021) menegaskan bahawa pendekatan ini penting dalam membentuk komuniti pembelajaran profesional yang mantap demi melahirkan generasi murid yang bermaklumat dan berkemahiran tinggi. Kesimpulannya, DELIMa 2.0 adalah satu inisiatif KPM yang menyatukan pelbagai aplikasi, sumber dan perkhidmatan pendidikan dalam satu pelantar digital tunggal, memudahkan proses pembelajaran secara maya dengan menggalakkan perkongsian dan kolaborasi dalam komuniti pendidikan negara.

## **3.0 PENYATAAN MASALAH**

Pelaksanaan pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) 2.0 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2020 merupakan satu inisiatif penting dalam usaha mengintegrasikan teknologi digital dalam sistem pendidikan negara. Walaupun pelantar ini telah dibangunkan dengan peruntukan besar sebanyak RM28.5 juta, analisis penggunaan DELIMa 2.0 menunjukkan trend penurunan yang ketara, terutamanya selepas bulan Julai 2022, baik di peringkat kebangsaan mahupun di negeri Sabah. Data dari SK Kinabutan Besar, Tawau juga mencerminkan corak yang sama, dengan bilangan pengguna aktif yang tidak melebihi 30% daripada jumlah murid berdaftar pada mana-mana bulan (Unit ICT SK Kinabutan Besar, Tawau, 2022). Fenomena ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan pelaksanaan dan penggunaan pelantar DELIMa 2.0 dalam kalangan murid sekolah rendah.

**Jadual 1: Analisis Penggunaan DELIMa 2.0 Murid SK Kinabutan Besar, Tawau 2022**

<b>Bulan</b>	<b>Bilangan Pengguna Aktif</b>	<b>Purata Masa Penggunaan Sehari (minit)</b>
Januari	112	20
Februari	214	40
Mac	139	25
April	107	30
Mei	258	50
Jun	190	35
Julai	295	60
Ogos	112	20
September	130	25
Oktober	105	20
November	79	20
Disember	57	15

Bilangan Murid SK Kinabutan Besar 2022 (Tidak termasuk Prasekolah) : 864 orang (sudah daftar dan mempunyai ID DELIMa KPM)

Sumber: Unit ICT SK Kinabutan Besar, Tawau. Laporan Penggunaan DELIMa 2.0 Tahun (2022).

Beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada isu ini. Kajian oleh Nurhazani et al. (2021) mendapati majoriti murid sekolah rendah mempunyai tahap pengetahuan yang rendah dalam penggunaan DELIMa 2.0, terutamanya dari segi menu navigasi dan fungsi-fungsi asas. Rahman et al. (2019) pula melaporkan keengganan sebilangan murid untuk mengaplikasikan teknologi dalam proses pembelajaran mereka. Mastura & Aizan Sofia (2021) mengetengahkan isu fobia teknologi dalam kalangan sebilangan kecil murid yang boleh menyebabkan tekanan dan ketakutan. Di pihak guru, Mohd Amin et al. (2022) mendapati ramai yang masih enggan mengintegrasikan DELIMa 2.0 dalam pengajaran mereka dan lebih selesa dengan kaedah pembelajaran tradisional. Kekangan infrastruktur seperti capaian Internet yang lemah, terutamanya di kawasan luar bandar, turut menjadi penghalang seperti yang dilaporkan oleh Nur Syamimi et al. (2022).

Faktor sosioekonomi juga memainkan peranan penting dalam menentukan akses murid terhadap DELIMa 2.0. Laporan tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia (2021) menyatakan hampir 450,000 isi rumah di Malaysia tidak mampu memiliki komputer atau peranti pintar disebabkan pendapatan yang rendah. Ini secara langsung menjejaskan capaian murid-murid dalam kalangan keluarga B40 dan M40 kepada kemudahan pembelajaran atas talian. Lee et al. (2022) turut melaporkan sikap ambivalen sesetengah ibu bapa terhadap pembelajaran berasaskan ICT sebagai faktor penghalang. Berdasarkan permasalahan ini, kajian lanjut diperlukan untuk mengenal pasti tahap sebenar penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah, serta mengkaji hubungan antara motivasi dan kesediaan e-pembelajaran dengan tahap penggunaan pelantar tersebut. Pemilihan murid

tahun enam sebagai fokus kajian adalah berdasarkan kesesuaian tahap perkembangan kognitif dan sosio-emosi mereka untuk menguasai pembelajaran yang mencabar, seperti yang dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) dan Zamsuri (2022).

#### **4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengetahui hubungan motivasi dan kesediaan e-pembelajaran terhadap penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah.

Manakala, objektif khusus kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Membandingkan tahap penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah.
2. Mengenal pasti perbezaan penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah berdasarkan jantina.
3. Mengenal pasti perbezaan penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah berdasarkan tempoh masa penggunaan DELIMa 2.0.
4. Menentukan hubungan motivasi murid terhadap penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah.
5. Menjelaskan hubungan kesediaan e-pembelajaran murid terhadap penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah.

#### **5.0 REKA BENTUK KAJIAN**

Dalam kajian ini, reka bentuk penyelidikan yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik untuk pengumpulan data. Soal selidik tersebut terbahagi kepada empat bahagian utama: demografi responden, pengetahuan dan kemahiran penggunaan DELIMa 2.0, kesediaan e-pembelajaran, serta motivasi terhadap penggunaan DELIMa 2.0. Skala Likert lima mata digunakan untuk mengukur respons bagi mengelakkan jawapan 'tidak pasti' yang boleh melemahkan fokus kajian. Analisis data melibatkan penggunaan ujian-t, ANOVA Sehalu, dan Korelasi Pearson untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah kajian (Tamuri et al., 2018). Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah rendah di bandar Tawau, Sabah, dengan memfokuskan kepada murid tahun enam sebagai populasi kajian. Pemilihan lokasi ini adalah berdasarkan kemudahan akses pengkaji sebagai pendidik di kawasan tersebut, yang membolehkan pengumpulan data yang berkualiti dan efisien (Amir et al., 2020).

Bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan hasil kajian, teknik persampelan rawak digunakan. Saiz sampel ditentukan berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), di mana sekurang-kurangnya 148 responden diperlukan daripada populasi seramai 240 orang. Untuk mengatasi kemungkinan kekurangan responden, pengkaji telah mengambil langkah proaktif dengan meminta bantuan guru ICT di setiap sekolah untuk berkongsi pautan *Google Forms* yang mengandungi instrumen kajian kepada sekurang-kurangnya 60 orang murid di sekolah masing-masing. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan jumlah responden yang

mencukupi, tetapi juga meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahihan data yang dikumpul. Pemilihan teknik persampelan ini adalah berdasarkan kemudahan akses kepada responden, kesediaan mereka untuk mengambil bahagian secara sukarela, serta pertimbangan masa dan kos yang efisien (Amir et al., 2020; Tamuri et al., 2018).

## 6.0 DAPATAN KAJIAN

### A. Analisis tahap penggunaan DELIMa 2.0

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah berada pada tahap yang tinggi, dengan skor min keseluruhan sebanyak 3.79 dan sisihan piawai 0.49. Analisis terperinci terhadap item-item soal selidik mendedahkan bahawa majoriti responden memberikan maklum balas positif terhadap penggunaan platform ini. Item P6 mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.24, diikuti oleh item P7 (min=4.20) dan P5 (min=4.01), menunjukkan penerimaan yang sangat baik terhadap aspek-aspek tertentu dalam penggunaan DELIMa 2.0. Item-item P2, P3, dan P4 juga menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dengan nilai min masing-masing 3.83, 3.99, dan 3.82. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang memerlukan perhatian, terutamanya berkaitan dengan item P1 dan P8.

**Jadual 2: Kekeperan, Peratusan dan Min – Penggunaan DELIMa 2.0**

Item	Kekeperan (N) dan peratus (%) skala persetujuan (1=Sangat Tidak Setuju, 5= Sangat Setuju)					Min
	1	2	3	4	5	
P1	16 (10.8%)	26 (17.6%)	60 (40.5%)	39 (26.4%)	7 (4.7%)	2.97
P2	0 (0%)	6 (4.1%)	42 (28.4%)	71 (48%)	29 (19.6%)	3.83
P3	1 (0.7%)	5 (3.4%)	30 (20.3%)	70 (47.3%)	42 (28.4%)	3.99
P4	1 (0.7%)	6 (4.1%)	42 (28.4%)	69 (46.6%)	30 (20.3%)	3.82
P5	0 (0%)	5 (3.4%)	31 (20.9%)	70 (47.3%)	42 (28.4%)	4.01
P6	0 (0%)	0 (0%)	24 (16.2%)	65 (43.9%)	59 (39.9%)	4.24
P7	1 (0.7%)	5 (3.4%)	20 (13.5%)	60 (40.5%)	62 (41.9%)	4.20

P8	10 (6.8%)	20 (13.5%)	52 (35.1%)	57 (38.5%)	9 (6.1%)	3.24
----	--------------	---------------	---------------	---------------	-------------	------

n=148

Item P1 mencatatkan nilai min terendah iaitu 2.97, dengan 40.5% responden memilih skala 3 (tidak pasti) dan sejumlah besar responden memilih skala 1 dan 2 (sangat tidak setuju dan tidak setuju). Begitu juga dengan item P8 yang mencatatkan nilai min 3.24, di mana terdapat peratusan yang agak tinggi bagi skala 3 (35.1% - tidak pasti) serta skala 1 dan 2 (20.3% - sangat tidak setuju dan tidak setuju). Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun secara keseluruhan tahap penggunaan DELIMa 2.0 adalah tinggi, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam beberapa aspek tertentu. Kepelbagaian maklum balas ini mencerminkan variasi dalam pengalaman dan persepsi murid terhadap penggunaan platform tersebut, yang mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kemahiran teknologi, akses kepada peranti, atau kualiti kandungan pembelajaran yang disediakan dalam DELIMa 2.0.

### B. Analisis Perbandingan Penggunaan DELIMa 2.0 berdasarkan Jantina Murid

Dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam penggunaan DELIMa 2.0 antara murid lelaki dan perempuan tahun enam sekolah rendah, berdasarkan analisis ujian-t dengan nilai  $p=0.44$  yang melebihi aras signifikan 0.05. Walaupun min penggunaan DELIMa 2.0 bagi murid perempuan ( $M=3.82$ ,  $SP=0.49$ ,  $N=77$ ) didapati lebih tinggi berbanding murid lelaki ( $M=3.76$ ,  $SP=0.49$ ,  $N=71$ ), perbezaan min skor hanya 0.06 dengan nilai  $t(146)=0.78$ ,  $p>0.05$ . Ujian Levene untuk kesamaan varians yang tidak signifikan ( $p=0.44$ ) mengesahkan kedua-dua kumpulan jantina mempunyai varians yang setara dalam penggunaan DELIMa 2.0. Hasil analisis ini membawa kepada penerimaan hipotesis nul, menunjukkan bahawa jantina tidak mempengaruhi secara signifikan penggunaan platform DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam, dengan kedua-dua jantina menunjukkan tahap penggunaan yang hampir setara.

**Jadual 3: Analisis Ujian-t Perbandingan Penggunaan DELIMa 2.0 Berdasarkan Jantina**

Jantina	N	Min	ahan Piawai ( <i>s.p</i> )	Df	t	Sig. p
Lelaki	71	3.76	0.49	146	.78	0.44
Perempuan	77	3.82	0.49			

\*Signifikan  $p < 0.05$

### C. Analisis Perbandingan Penggunaan DELIMa 2.0 berdasarkan tempoh masa penggunaan DELIMa 2.0 dalam seminggu

Dalam membuat perbandingan penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah berdasarkan tempoh masa penggunaan, ujian ANOVA sehala telah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara min penggunaan DELIMa 2.0. Hipotesis nol ( $H_0$ ) menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid berdasarkan tempoh masa penggunaannya. Jadual 4 menunjukkan bahawa nilai signifikan (Sig.) yang diperoleh adalah 0.83, lebih besar daripada aras signifikan yang ditetapkan pada 0.05 ( $p < 0.05$ ), menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid berdasarkan tempoh masa penggunaan. Nilai F yang diperoleh adalah 0.30, mengesahkan ketiadaan perbezaan signifikan ini kerana nilai F yang kecil menunjukkan varians antara kumpulan adalah lebih kecil berbanding varians dalam kumpulan. Oleh itu, berdasarkan keputusan ujian ANOVA sehala, hipotesis nol ( $H_0$ ) gagal ditolak pada aras signifikan 0.05, menunjukkan bahawa tempoh masa penggunaan DELIMa 2.0 tidak mempengaruhi penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah secara signifikan.

**Jadual 4: Ujian ANOVA Sehala bagi Perbandingan Penggunaan DELIMa 2.0 Berdasarkan Tempoh Masa Penggunaan DELIMa 2.0**

Tempoh Masa	SS	df	MS	F	Sig.
Antara kumpulan	0.22	1	0.07	0.30	.83
Dalam kumpulan	35.36	144	0.25		
Jumlah	35.58	147			

n=148

\*aras signifikan  $p < 0.05$

### D. Hubungan antara Motivasi dengan Penggunaan DELIMa 2.0

Dalam kajian ini, ujian korelasi Pearson digunakan untuk menguji hubungan antara motivasi murid tahun enam sekolah rendah dengan penggunaan DELIMa 2.0, di mana analisis ini bertujuan untuk memahami perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut dan menentukan kesignifikanan hubungan yang wujud. Berdasarkan Jadual 5, nilai pekali korelasi Pearson ( $r$ ) yang diperoleh ialah 0.781, yang berada dalam julat 0.71 hingga 0.90, menunjukkan hubungan yang kuat antara motivasi murid dengan penggunaan DELIMa 2.0. Ini bermaksud, apabila motivasi murid meningkat, penggunaan DELIMa 2.0 juga cenderung meningkat dan sebaliknya. Nilai signifikan (Sig. 2-tailed) yang dilaporkan adalah kurang



daripada 0.001 ( $p < 0.001$ ), menunjukkan bahawa hubungan ini adalah signifikan pada aras keertian 0.01 (1%). Oleh itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) ditolak, dan ini mengesahkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan kuat antara motivasi murid dengan penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah, menunjukkan bahawa motivasi murid memainkan peranan penting dalam menentukan penggunaan DELIMa 2.0 sebagai platform pembelajaran dalam talian.

**Jadual 5: Ujian Korelasi Pearson Hubungan Motivasi dengan Penggunaan DELIMa 2.0**

Penggunaan DELIMa 2.0		Motivasi
	Pearson Correlation	.781**
	Sig. (2-tailed)	<.001
	N	148

\*\*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

#### E. Hubungan antara Kesediaan e-pembelajaran dengan Penggunaan DELIMa 2.0

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan e-pembelajaran dengan penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah. Ujian korelasi Pearson menghasilkan nilai  $r = 0.495$ ,  $p < .001$ , menunjukkan hubungan positif yang lemah tetapi signifikan secara statistik. Walaupun kekuatan hubungan ini adalah lemah berdasarkan interpretasi pekali korelasi, dapatan ini masih dianggap penting kerana ia membuktikan wujudnya kaitan antara kesediaan murid terhadap e-pembelajaran dengan penggunaan platform DELIMa 2.0 dalam proses pembelajaran mereka. Hasil analisis ini membawa kepada penolakan hipotesis nol ( $H_0$ ) yang menyatakan tidak terdapat hubungan signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

**Jadual 6: Ujian Korelasi Pearson Hubungan Kesediaan e-pembelajaran dengan Penggunaan DELIMa 2.0**

Penggunaan DELIMa 2.0		Kesediaan e-pembelajaran
	Pearson Correlation	.495**
	Sig. (2-tailed)	<.001
	N	148

\*\*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

## 7.0 PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid tahun enam sekolah rendah adalah bervariasi, dengan pengetahuan asas mengenai komputer dan teknologi didapati masih kurang yakin (Lim et.al 2020). Walaupun murid menunjukkan kemahiran yang baik dalam menggunakan ciri-ciri utama DELIMa 2.0 seperti *Google*

*Classroom* dan *Google Meet* (Tan et al., 2021), terdapat kekurangan dalam mengaplikasikan pengetahuan tersebut untuk pelbagai tujuan pembelajaran, yang sering terhad kepada mengikuti kelas dalam talian dan menghantar tugas (Harun et al., 2022). Kajian Marliana et al. (2020) menekankan bahawa galakan ibu bapa, rakan sebaya, dan guru adalah penting dalam meningkatkan motivasi murid untuk menggunakan DELIMa 2.0 secara lebih meluas. Dalam konteks perbezaan jantina, tiada perbezaan signifikan dalam penggunaan DELIMa 2.0, walaupun murid perempuan sedikit lebih aktif (Marzuki et al., 2021; Hashemyolia et al., 2020). Kajian Lim et. al (2020) mencadangkan keperluan untuk strategi yang lebih efektif bagi meningkatkan penglibatan murid lelaki. Dari segi tempoh masa penggunaan, tiada perbezaan signifikan dalam tahap penggunaan DELIMa 2.0, menekankan bahawa faktor seperti motivasi dan gaya pembelajaran lebih mempengaruhi (Rasul dan Hussein, 2021; Mohd Salleh et al., 2020).

Motivasi didapati mempunyai hubungan positif yang kuat dengan penggunaan DELIMa 2.0, di mana murid yang lebih termotivasi lebih kerap menggunakan platform ini (Ahmad et al., 2020; Salim et al., 2021). Keberkesanan DELIMa 2.0 juga dapat ditingkatkan melalui pendekatan holistik yang melibatkan sokongan dari guru dan ibu bapa (Hussin et al., 2019; Ajzen.I, 2020). Akhirnya, kesediaan e-pembelajaran juga menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan penggunaan DELIMa 2.0, namun kekuatan hubungan ini adalah lemah, disebabkan oleh cabaran seperti kekurangan kemahiran digital asas dan jurang digital (Lee et al., 2022; Latif, 2022). Keseluruhannya, dapatan ini mencadangkan perlunya usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran, motivasi, dan kemahiran murid dalam menggunakan pelantar digital seperti DELIMa 2.0 secara optimum, sambil mengatasi cabaran seperti jurang digital dan kemahiran literasi digital untuk memastikan penggunaan yang lebih meluas dan efektif dalam pembelajaran sekolah rendah.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini menunjukkan bahawa pemahaman mendalam mengenai kesediaan murid terhadap e-pembelajaran dan penggunaan pelantar DELIMa 2.0 dapat menyokong penyesuaian kurikulum dan strategi pendidikan yang lebih berkesan. Kajian ini mendedahkan faktor motivasi murid dalam penggunaan teknologi untuk pembelajaran, yang berpotensi meningkatkan semangat dan minat belajar mereka. Penilaian terhadap keberkesanan penggunaan DELIMa 2.0 dalam kalangan murid sekolah rendah adalah penting untuk membentuk strategi pendidikan yang lebih efektif dan mengintegrasikan e-pembelajaran dengan lebih baik. Implikasi kajian ini merangkumi pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, serta guru dan murid, dalam usaha memajukan kualiti pendidikan negara selaras dengan revolusi Industri 4.0. Kajian ini memberi impak signifikan dalam memastikan penggunaan pelantar e-pembelajaran yang optimum dan meningkatkan kualiti pendidikan, tetapi kejayaan pelaksanaan bergantung pada kesungguhan semua pihak berkepentingan dalam melaksanakan penambahbaikan berdasarkan dapatan kajian.

## **RUJUKAN**

Ahmad, S., Hassan, A., & Osman, K. (2020). The relationship between student motivation and readiness for online learning. *Journal of Educational Technology*, 12(2), 50-58.

- Ajzen, I. (2020). The theory of planned behavior: Frequently asked questions. *Human Behavior and Emerging Technologies*, 2(4), 314-324.
- Amir, A., Ismail, A., & Kamin, Y. (2020). Populasi dan persampelan dalam penyelidikan pendidikan. *Journal of Education Research*, 6(2), 139-150.
- Berita Harian. (2023, November 29). *Enam teras DPD jamin pendidikan lebih berkualiti*. Dipetik: Dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1182824/dasar-pendidikan-digital-dilancar-hari-ini-pada-30-november-2023>
- Chamidah, N., Kanniah, R., & Jumail, M. (2020). Teaching through online technology to overcome problems during the covid-19 outbreak. *Journal of Critical Reviews*, 7(17), 1511-1515.
- Cheong, C. S., Hill, C., Loke, S. K., & Song, S. (2021). Unleashing the potential of online learning: An evaluation of DELIMa usage and readiness among Malaysian teachers. *Knowledge Management & E-Learning*, 13(2), 139–156.
- Habibah Abdul Rahim. (2020). *Ucapan Pelancaran Platform DELIMa 2.0*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hashemyolia, S., Zakariya, Z., Rahman, A. A., & Wook, T. S. M. T. (2020). Acceptance of technology-enhanced teaching and learning among primary school students: an application of the UTAUT model. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 9(4), 806-814.
- Harun, M. T., Aris, B., & Zaid, N. M. (2022). User-friendly features of DELIMa 2.0 affecting pupils' motivation for online learning. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 5(2), 110-121.
- Hussin, N., Manap, J., Amir, Z., & Krish, P. (2019). Mobile learning readiness among Malaysian primary school teachers. *Knowledge Management & E-Learning*, 11(4), 549–560.
- Ismail, Z., Aziz, A. A., & Aziz, N. A. (2021). Teachers' acceptance of the Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) during COVID-19. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 10(3), 902-908.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Laporan Tahunan 2021. Putrajaya: KPM.
- Krejcie, R. V and Morgan D.W. (1970) *Determining sampel Size For Research Education and Psychological Measurement*, 30, 607 – 608
- Latif, S. A. (2022). Cabaran dalam mengakses DELIMa 2.0: Perspektif murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Digital*, 9(3), 123-136.
- Lee, G. C., Wu, C. S., & Shih, S. P. (2022). *Parental mediation of primary schoolchildren's use of digital technology: joint effects of restrictive and active mediation*. Behaviour & Information Technology, 1-14.
- Lim, C. L., Wong, S. L., & Hassan, N. (2020). Motivasi dan penggunaan teknologi dalam kalangan murid tahun satu. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(1), 92-111.
- Marliana, L., Yuzainee, M.Y., Mohd Zaidi, O. and Mohd Amin, N.F., (2020). User satisfaction with the DeLIMA 2.0 from information quality, system quality, and perceived usefulness viewpoint: A case study. *Journal of Critical Reviews*, 7(13), pp.461-466.
- Marzuki, M. M., Murad, M. A., Sapar, A. A., Abd Rashid, Z., & Jalil, H. A. (2021). An empirical study on students' acceptance towards DELIMa platform as an online learning platform in Malaysian higher education institutions. *International Journal of Higher Education*, 10(8).

- Mastura, M., & Aizan Sofia, A. S. (2021). Kesan fobia teknologi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Sains Sosial*, 5(2), 101-108.
- Mohamad, M., Embi, M. A., & Nordin, N. M. (2022). Personalized online learning experience among high school students using DELIMa platform. *International Journal of Instruction*, 15(1), 237-256.
- Mohd Salleh, S., Ahmad, A. R., & Bakar, N. A. (2020). Penggunaan aplikasi mudah alih dalam pembelajaran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Teknologi*, 8(2), 32-45
- Nordin, N. M., Norman, H., & Saad, M. R. M. (2021). Personalization elements in online learning environment applications: A systematic literature review. *International Journal of Interactive Technologies*, 15(13), 154-168.
- Nur Syamimi, S., Mariam, M., & Mohd Rashid, M. E. (2022). Cabaran capaian Internet di sekolah luar bandar semasa pembelajaran atas talian. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 2(2), 77-82.
- Nurhazani, N. A., Zainon, C. Z., Muslihah, W. A. W., & Azmidah, A. (2021). Tahap pengetahuan dan kemahiran murid sekolah rendah dalam penggunaan DELIMa 2.0. *Journal of Early Childhood Care and Education*, 5, 23-33.
- Rahman, A. A., Hamzah, M. I. M., & Mahmud, R. (2019). Readiness towards E-Learning among Primary School Students in Malaysia: A Review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(2), 855-866.
- Rasul, M. S., & Hussein, A. N. (2021). Pengaruh tempoh masa penggunaan teknologi pendidikan terhadap pencapaian akademik murid. *Jurnal Pendidikan Teknologi Maklumat*, 11(3), 28-39.
- Salim, F., Samsudin, M. A., Rafi, A., & Said, M.N.H.M. (2021). Teachers' Perception and Readiness in Implementing the DELIMa Web 2.0 Platform. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(4), 286-297.
- Tamuri, A. H., Omar, M. K., & Mohamed, Z. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Asas teori & praktis*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan, L. L., Ishak, N., Zain, A. N. M., Chin, H. F., Akhir, N. A. M., & Soh, T. M. T. (2021). DELIMa 2.0 Application: Enhancing Primary School Students' Digital Literacy Skills. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 16(1), 226-239.
- Zamsuri, A. A., Amat, S., Ahmad, M. Z., Johar, S. S. M., Ismail, Z., & Saidin, K. (2022). Using digital educational platform to improve cardiovascular system learning process: Proposed practical framework. *Social Sciences & Humanities Open*, 5(1), 100246.